

Headline	Anugerah Emas KAYM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	V3	ArticleSize	234 cm ²
AdValue	RM 7,892	PR Value	RM 23,675



Goh Su Ying (tengah) bersama dengan rakan yang menerima Anugerah Emas KAYM.

Anugerah Emas KAYM

Ayer Keroh: Keinginan membela nasib keluarga mendorong anak pengasuh kanak-kanak, Goh Su Ying, 22, nekad belajar bersungguh-sungguh sehingga dinobatkan sebagai penerima Anugerah Emas Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (KAYM).

Anak ketiga daripada empat adik beradik itu berkata, walaupun kehilangan kasih sayang ayah yang meninggal dunia sejak berusia sembilan tahun, semangatnya untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan Diploma Pemasaran tidak terbantut.

Emak dan pak cik saya sentiasa memberi dorongan, selain rakan-rakan yang banyak berkongsi ilmu.

Sakit jantung

"Ayah meninggal dunia akibat serangan sakit jan-

tung ketika dia bekerja sebagai mekanik dan sejak itu emak saya menyara keluarga dengan pendapatan bulanan RM500," katanya yang mendapat Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.96.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menerima Anugerah Pelajar Cemerlang dan Anugerah Emas KAYM berserta wang tunai keseluruhan RM1,500.

Anugerah disampaikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dalam Majlis Konvokesyen KAYM ke-10 di Dewan Seri Negeri, di sini.

Dalam majlis itu, seramai 763 pelajar terdiri daripada program KAYM termasuk program kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia

(UTM) dan Uiniter International University (UIU) dianugerahkan ijazah, diploma dan sijil.

Tujuh cemerlang

Sementara itu, tujuh graduan yang turut menerima Anugerah Pelajar Cemerlang ialah Abdul Rasyid Abdul Rahman, 21, dari jurusan Diploma Teknologi Elektrik; S Kavitha, 24 (Diploma Pengurusan Perakaunan); Nurul Hafizah Abdul Hadi, 22 (Diploma Teknologi Rangkaian)

Nur Rashida Abdul Rashid, 21 (Diploma Teknologi Seni Teater); Helwa Tamar Jaya, 25 (Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan); Ivy Anak Rigar, 23 (Sarjana Muda Bahasa Inggeris) dan Muhamad Rafie Abdullah, 22 (Sijil Juruteknik Elektrik Rendah).